




## Perpustakaan Dar al-Hikmah Akses Mudah kepada Ilmu Islam



**K**etersediaan bahan rujukan Islam yang berkualiti sering menjadi cabaran utama dalam kalangan pelajar, pensyarah dan penyelidik, terutamanya apabila sumber tersebut jarang ditemui atau sukar diakses. Namun begitu, dengan kemajuan teknologi termasuklah kecerdasan buatan (AI), pencarian maklumat rujukan Islam kini menjadi lebih mudah dan efektif.

Teknologi AI memainkan peranan yang penting untuk membantu pengguna mencari maklumat dengan lebih cepat dan tepat. Platform AI mampu menapis sumber yang banyak dan memberikan hasil pencarian yang relevan berdasarkan topik tertentu, termasuklah rujukan Islam.

Di Malaysia, Perpustakaan seperti Dar al-Hikmah di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) turut mengintegrasikan teknologi ini untuk membantu pelajar dan pensyarah mengakses pangkalan data yang kaya dengan kandungan ilmiah. Namun demikian, keberkesanan AI untuk memberikan rujukan yang benar-benar sahih masih memerlukan pengesahan manusia, terutamanya dalam konteks agama dan rujukan Islam.

Sebagai contoh, seorang graduan yang menyiapkan tugas tentang undang-undang perbankan Islam boleh menggunakan aplikasi AI seperti Copilot, ChatGPT atau SciSpace untuk memulakan pencarian. Dengan memasukkan kata kunci seperti “perbankan Islam” atau “undang-undang syariah”, aplikasi AI akan



Koleksi pengajian Islam yang terperinci mengikut subjek disusun di atas rak menggunakan Sistem Pengkelasan Perpustakaan UIAM yang diterbitkan oleh pustakawan di Perpustakaan Dar al-Hikmah.

mengimbas pelbagai pangkalan data dan memberikan senarai artikel, jurnal dan buku yang relevan. Dalam hal ini, penting bagi pengguna untuk menyemak kesahihan sumber bagi memastikan bahan yang digunakan berkredibiliti dan tepat.

### Bahan Rujukan Islam di Perpustakaan Dar al-Hikmah

Perpustakaan Dar al-Hikmah berperanan sebagai pusat ilmu yang menyediakan pelbagai koleksi bahan rujukan dalam bidang agama, undang-undang, kejuruteraan dan sains sosial. Koleksi khas dan manuskrip Islam yang bernilai tinggi disimpan untuk rujukan dalaman, sekali gus memperkaya khazanah ilmiah universiti. Perpustakaan ini turut menawarkan perkhidmatan seperti peminjaman antara perpustakaan dan akses kepada pangkalan data elektronik yang memudahkan proses penyelidikan dan pembelajaran. Komitmen perpustakaan ini dalam usaha menyokong keperluan akademik dan penyelidikan menjadikannya aset penting dalam ekosistem pembelajaran di UIAM.

Perpustakaan Dar al-Hikmah UIAM menyimpan pelbagai bahan rujukan Islam yang boleh diakses oleh komuniti universiti serta pengguna luar. Koleksi ini merangkumi buku, artikel jurnal, tesis dan manuskrip dalam pelbagai bahasa. Bahan rujukan Islam di perpustakaan ini diperoleh daripada pelbagai sumber, antaranya termasuklah:

1. Senarai rangka kursus pembelajaran (course outline) bagi setiap kuliah, yang mencakupi bidang seperti usuluddin, al-Quran dan sunah, fiqh dan usul fiqh, ekonomi Islam, perbankan Islam, undang-undang Islam, halal dan perubatan Islam.
2. Rekomendasi daripada pensyarah UIAM yang sering mencadangkan bahan semasa lawatan ke pesta buku, universiti lain dan hasil bacaan sendiri.
3. Sumbangan daripada pensyarah, bekas graduan, alumni dan pelawat dari pelbagai negara.

4. Penerbitan pensyarah yang dikumpulkan dalam IUM Repository (IRep) yang boleh diakses melalui laman web <http://irep.iium.edu.my/>.
5. Koleksi tesis yang boleh didapati secara fizikal di perpustakaan atau melalui sistem repositori pelajar (hanya untuk warga UIAM).

Perpustakaan Dar al-Hikmah juga memiliki koleksi manuskrip Islam yang merangkumi karya tokoh terkemuka seperti Abd al-Rahim ibn al-Husayn al-'Iraqi, Abd al-Rahman ibn Umar al-Sufi dan Muhammad ibn Abdullah ibn Malik. Koleksi ini boleh diakses di Perpustakaan Syed Muhammad Naquib al-Attas di Jalan Duta, Kuala Lumpur, atau melalui laman web Perpustakaan Dar al-Hikmah.

#### Inisiatif untuk Mempermudah Akses kepada Koleksi Islam

Perpustakaan Dar al-Hikmah sentiasa berusaha memudahkan akses pengguna kepada koleksi Islam mereka. Antara inisiatif utama yang dilakukan termasuklah:



#### Sistem Pengkelasan Perpustakaan UIAM

Sistem Pengkelasan Perpustakaan UIAM atau *IUM Library Classification System* merupakan klasifikasi khas untuk bahan Islam yang memudahkan pencarian berdasarkan topik seperti al-Quran dan sunah, fiqh, usuluddin, halal, undang-undang dan perubatan.



#### Kelas Literasi Maklumat

Kelas ini dilaksanakan bagi membantu pelajar memahami teknik pencarian bahan rujukan secara lebih efektif.



#### Promosi Koleksi Terbaru

Perpustakaan Dar al-Hikmah akan membuat promosi melalui media sosial, e-mel, serta platform seperti Telegram dan WhatsApp untuk memastikan pengguna mendapat maklumat terkini tentang bahan yang tersedia di perpustakaan ini.



#### Kaedah Peminjaman yang Fleksibel

Perpustakaan Dar al-Hikmah turut memperkenalkan kaedah peminjaman bahan yang fleksibel, antaranya termasuklah peminjaman antara perpustakaan bagi memastikan pengguna mendapat akses kepada bahan rujukan yang diperlukan.

UIAM merupakan satu daripada institusi pengajian tinggi yang memberikan penekanan terhadap pengajian Islam dalam pelbagai bidang. Perpustakaan menempatkan koleksi bahan rujukan Islam yang luas dan pelbagai, termasuklah manuskrip berharga serta sumber digital. Kemudahan seperti peminjaman antara perpustakaan dan akses kepada teknologi semasa termasuklah integrasi AI, berperanan menyediakan sokongan penting kepada pelajar dan penyelidik dalam usaha mereka menjalankan kajian akademik. Persekitaran ini memperlihatkan komitmen UIAM terhadap pembangunan ilmu Islam dalam konteks pendidikan tinggi yang moden dan dinamik.

### Mutiara Hikmah

“Membaca buku yang baik, bererti memberikan makanan rohani yang baik.”

—  
Hamka

